

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 21 APRIL 2015 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Malaysia hasilkan produk kimia pertama kelapa sawit	Utusan Malaysia
2.	Sabah catat pelaburan terkumpul RM147 Billion sejak 2008	BERNAMA
3.	Biorefinery project the first in the world	New Straits Times
4.	Drains at school need widening	The Star
5.	Peralihan monsun punca pagi panas, petang ribut	KOSMO
6.	Orang ramai dinasihat elak aktiviti luar waktu petang	BERNAMA
7.	Elak berada kawasan lapang	Harian Metro
8.	Gempa bumi kuat landa Wilayah Taiwan	BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 18
TARIKH: 21 APRIL 2015 (SELASA)

Malaysia hasilkan produk kimia pertama kelapa sawit

Oleh **HISYAMUDDIN AYUB**
ekonomi@utusan.com.my

KOTA KINABALU 20 April - Malaysia bakal menjadi peneraju di dunia dalam menghasilkan produk berasaskan bahan kimia daripada kelapa sawit untuk menggantikan bahan asas petroleum terhadap kebanyakan produk yang dihasilkan sebelum ini.

Ketua Eksekutif Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (BiotechCorp), Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal berkata, menerusi

projek di bawah Program Transformasi Bioekonomi (BTP) di Kompleks Bersepadu Bio-Rifeneri yang terletak dalam Kelompok Perindustrian Kelapa Sawit (POIC) Sdn. Bhd., di Lahad Datu, usaha menghasilkan produk berasaskan kelapa sawit itu akan dilaksanakan.

Jelas beliau, projek berimpak tinggi yang sedang dilaksanakan oleh Genting Plantation Bhd. dan rakan niaganya, Elevance Renewable Science Inc. (Elevance), dari Amerika Syarikat (AS) itu akan menghasilkan produk kimia daripada ko-

moditi tersebut.

"Melalui kerjasama ini, kimia yang sebelum ini dihasilkan daripada bahan yang berasaskan petroleum akan digantikan dengan bahan daripada kelapa sawit bagi menghasilkan produk seperti plastik, nilon dan beberapa jenis produk lain.

"Bukan sahaja produk daripada kelapa sawit ini dilihat lebih mesra alam sekitar, malah bahan yang diperolehi untuk membuat barangan tersebut juga dihasilkan daripada bahan mentah kekal," katanya yang ditemui dalam Majlis Perasmian Bio-Borneo 2015 yang disempurnakan oleh Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Yahya Hussin di sini hari ini.

Yang turut hadir, **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin** dan timbalannya, **Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah** serta Pengarah Pusat Biodiversiti Sabah, Dr. Abdul Fatah Amir.

Mengulas lanjut Mohd. Nazlee berkata, selain menjadi negara pertama menghasilkan bahan terbitan kimia daripada kelapa sawit, Malaysia yang menjadi peneraju industri itu turut memiliki kemudahan seumpamanya di dunia.

Ujarnya, nilai pelaburan bagi projek tersebut yang menelan belanja kira-kira RM2 bilion di Lahad Datu itu dilihat mampu mengoptimalkan sepenuhnya kelebihan penanaman kelapa sawit di negara ini, sekali gus memanfaatkan Sabah sebagai salah sebuah negeri utama dalam tanaman tersebut.

Tambahnya, pelbagai usaha juga dilakukan BiotechCorp dalam menambah baik produk yang dihasilkan daripada kelapa sawit dan getah kepada satu produk bermutu tinggi menerusi keupayaan dan kekuatan sistem bioteknologi negara.

"Seperkara yang penting untuk Malaysia ialah menterjemahkan bahan biodiversiti yang ada di negara ini untuk dikomersialkan, sekali gus memberi pulangan besar kepada negara dan masyarakat.

Katanya, bukan sahaja memberi peluang kepada penduduk di luar bandar mendapat manfaat daripada usaha tersebut, malah meletakkan negara berada pada landasan terbaik untuk mengungguli bidang bioteknologi terutama dalam industri kosmetik dan kesihatan.

"Negara mempunyai bahan biodiversiti yang banyak dan apa yang perlu dilakukan adalah menukar bahan bio ini kepada bahan yang lebih bernilai tinggi. Menterjemahkan ilmu tradisional kepada sains, seterusnya menjadikan produk yang boleh dikomersialkan," jelasnya.



Sabah Catat Pelaburan Terkumpul RM147 Bilion Sejak 2008

KOTA KINABALU, 20 April (Bernama) -- Sabah mencatatkan rekod pelaburan komited terkumpul sebanyak RM147 bilion sejak pelancaran Koridor Pembangunan Sabah (SDC) pada 2008.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Seri Yahya Husin, berkata daripada jumlah yang dicatat sehingga Mac lepas, pelaburan bernilai RM51.6 bilion telah dapat direalisasikan.

"Kita mahu meningkatkan angka pelaburan ini menerusi unjuran kemasukan pelaburan dalam bidang bioekonomi," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan dan Pameran BioBorneo 2015, di sini, hari ini.

Pada majlis itu, beberapa dokumen persefahaman dimeterai yang turut melibatkan Our Energy Group (M) Sdn Bhd dan Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB); Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) dan Universiti Malaysia Sabah; SEDIA dan Universiti Malaysia Pahang serta Pusat Biodiversiti Sabah (SaBC) dan Palm-UK.

Usaha ini menjadi platform perkongsian dan kerjasama dalam meningkatkan industri bioteknologi negara.

Selain itu, kata Yahya, Pusat Ternakan Bersepadu Keningau (KILC) kini giat menstabilkan operasi ladangnya bagi meningkatkan bilangan anak-anak lembu hibrid yang mampu menghasilkan pengeluaran tinggi.

Malah, keperluan tenaga kerja mahir dalam bidang tenusu baka baik turut diambil kira bagi pembangunan sektor berkenaan di negeri itu.

Projek itu dijangka menjana pelaburan sebanyak RM763 juta dalam industri ternakan di daerah Keningau, Sook dan Nabawan di Sub-Wilayah Tengah SDC.

Terdahulu, [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin](#) dalam ucapannya berkata kementerianya menerusi BioTechcorp, turut terlibat secara langsung dengan tiga projek permulaan di Sabah merangkumi input perladangan berasaskan bio, bahan bio tempatan dan kepelbagaian makanan bernilai tinggi.

Ewon berkata inisiatif itu merangkumi enam projek pencetus yang keseluruhannya dijangka menyumbang RM1.18 bilion kepada pendapatan negara kasar dengan nilai pelaburan berjumlah RM2.95 bilion menjelang 2020.

"Salah satu projek berimpak tinggi sedang dilaksanakan di Lahad Datu iaitu pembinaan Integrated Biorefinery Complex yang berupaya menghasilkan pelbagai produk daripada minyak bermutu dan bernilai tinggi," katanya.

Selain itu, Ewon berkata dua projek berasaskan bio dari Sabah berjaya dikomersialkan iaitu pengeluaran polimer semula jadi daripada rumpai laut merah serta baja BioMac diperolehi daripada sisa kilang minyak kelapa sawit yang menggunakan teknologi mikro.

Kedua-dua projek itu dibangunkan di Tawau.

-- BERNAMA

Biorefinery project the first in the world

KOTA KINABALU: The Integrated Biorefinery Complex project in Sabah will make Malaysia the world's leading producer of environmentally-friendly chemicals using oil palm.

It is among 13 trigger projects under the Bioeconomy Transformation Programme approved on March 19.

Three of the projects, including the Integrated Biorefinery Complex, are based in Sabah and Sarawak.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Ewon Ebin said the project, carried out at the Palm Oil Industry Cluster (POIC) in Lahad Datu, sought to produce high-value oleo derivatives, such as specialty and organic chemicals.

"With Genting Plantation Berhad as the anchor company and United States-based Elevance Renewable Sciences Inc as a partner, the project is targeting a gross national income of RM556.7 million.

"It will also create 775 job opportunities and generate about RM2 billion in investments by 2020," he told a press conference at the opening of the 2015 Bio Borneo conference and exhibition at Sutera Harbour Resort here yesterday.

Present were Deputy Chief Minister Datuk Yahya Hussin and Malaysian Biotechnology Corporation chief executive officer Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal.

Two other Sabah and Sarawak-based projects are the Bio-compressed natural gas from palm oil mill effluent; and converting palm oil waste into green plant bio-organic fertiliser.

"These projects highlight the government's commitment to developing the bio-based sector by capitalising on the wealth of biodiversity, not just in Borneo but Malaysia, in general," said Ewon.

Elaborating on the Integrated Biorefinery Complex, Nazlee said the project would be a chemical pro-



Sabah Deputy Chief Minister Datuk Yahya Hussin looking at products on display at the Bio Borneo 2015 conference and exhibition in Kota Kinabalu yesterday. Pic by Izhari Ariffin

cess facility that would undergo several phases in producing specialty chemicals through chemical reactions of bio-based materials from the oil palm industry.

"It is more environmentally-friendly since it uses a sustainable raw material.

"Malaysia will be the first in the world to have this facility."

Earlier in his speech, Yahya said the state government recognised the potential of biotechnology and had launched the Sabah Development Corridor (SDC) in 2008 to implement potential projects, such as the POIC, Sabah Agro-Industrial

Precinct, Keningau Integrated Livestock Centre and Integrated Marine Industry Cluster.

"SDC is now in its second phase of implementation and Sabah has also become an interesting investment destination in the country.

"Up to March this year, since the implementation of SDC, Sabah has recorded a cumulative committed investment of RM147 billion, of which RM51.6 billion was realised."

Yahya hoped the two-day Bio Borneo conference and exhibition would attract more investment and biotechnology-based activities in the state.

Drains at school need widening

By OH ING YEEN
ingyeen@thestar.com.my

SJK (C) Lick Hung Parent-Teacher Association (PTA) and Subang Jaya assemblyman Hannah Yeoh want the Education Ministry to look into the school's drainage after the recent flash floods in Subang Jaya.

According to data from the Meteorology Department, the highest rainfall recorded this year at the Subang station was 63.4 mm on March 31.

At a press conference near the school entrance in SS19 Subang Jaya, Yeoh said the downpour that day was classified as "violent rain" when the precipitation rate was more than 50mm per hour.

"After the flash flood, I went for a site visit with the Subang Jaya Municipal Council (MPSJ) and we checked the drainage outside the school. The drains were not clogged and were functioning.

"The drains in the school cannot cope with the heavy rainfall.

"However, only the Education Ministry has the authority to widen the drains within the school compound.

"MPSJ has written to the ministry to look into this matter as soon as possible," she said.

PTA chairman Lim Kok Sang said the recent flash flood was the worst, so far.

"A tree fell during the thunderstorm and five classrooms were



No parking: Yeoh (second from left) with members of the PTA standing at the yellow box.

flooded.

"There is a 15cm kerb at the school's stationery shop entrance, indicating that the compound had been flooded before.

"However, that kerb could not prevent water from flooding the shop.

"The storeroom where old books are kept was also flooded and waterlogged books had to be thrown away," he said.

On another matter, MPSJ had drawn a yellow box in front of the school following requests from parents.

The PTA also requested for a zebra crossing in front of the school for the children's safety.

To facilitate this request, several parking bays would have to be

removed.

Yeoh said that other schools were also affected by flash floods, such as USJ 4 Seri Selangor.

"Parents should be aware of their children's whereabouts during flash floods. It is very dangerous," she said, citing the SS14 monsoon drain as an example of a dangerous spot during floods.

She urged contractors working on the LRT project in Subang Jaya to ensure that drains were free from silt and construction debris.

She also suggested that the Selangor Drainage and Irrigation Department deepen the riverbed of Anak Sungai Penaga and Sungai Penaga in USJ 1 as the former flowed into the Sungai Klang.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 03
TARIKH: 21 APRIL 2015 (SELASA)

Peralihan monsun punca pagi panas, petang ribut

KUALA LUMPUR - **Jabatan Meteorologi** menasihatkan orang ramai supaya mengurangkan aktiviti luar pada waktu petang berikutan keadaan hujan dan ribut petir berserta angin kencang yang berlaku di negeri-negeri di kawasan Pantai Barat Semenanjung pada masa ini.

Ketua Pengarah jabatan itu, Datuk Che Gayah Ismail (**gambar**) berkata, fenomena cuaca sekarang ini berpunca daripada peralihan an-



gin monsun yang menyebabkan cuaca panas pada waktu pagi dan hujan lebat, angin kencang serta ribut petir pada sebelah petang dan malam.

"Justeru, mereka yang berada di kawasan Kedah, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka dinasihatkan merancang semula aktiviti harian mereka, jika ada yang penting, lakukan pada waktu pagi dan tengah

hari manakala pada sebelah petang sebaiknya elakkan berada di luar rumah," kata beliau ketika dihubungi di sini semalam.

Kelmarin, hujan lebat, angin kencang berserta ribut dilaporkan berlaku di beberapa kawasan di Selangor yang melibatkan pokok tumbang dan mengakibatkan kerosakan kenderaan dan bangunan.

Beberapa penduduk turut mendakwa berlaku kejadian hujan batu di kawasan berkenaan.

Che Gayah berkata, cuaca buruk kebelakangan ini merupakan

situasi lazim mengikut kitaran musim peralihan monsun yang berlaku sehingga hujung Mei.

Katanya, peralihan itu berlaku dua kali setahun apabila monsun Timur Laut dalam proses beralih kepada monsun Barat Daya dan apabila monsun Barat Daya dalam proses beralih ke monsun Timur Laut.

"Oleh itu, fenomena cuaca ini bermula dari hujung Mac hingga hujung Mei dan sekali lagi pada Oktober nanti.

"Angin kuat dan ribut petir ini dipanggil *over head* iaitu jika

berlaku ia akan membawa angin kencang sehingga menumbangkan pokok.

"Kuantiti hujan pula melebihi 50 milimeter sejam yang boleh menyebabkan banjir kilat," katanya.

Sehubungan itu, Che Gayah menasihatkan orang ramai yang kebetulan berada di luar rumah ketika cuaca mula gelap segera berlindung di dalam bangunan serta mengelak berlindung di bawah pokok atau kawasan lapang bagi mengelak kejadian tidak diingini. - Bernama



Orang Ramai Dinasihati Elak Aktiviti Luar Waktu Petang - Jabatan Meteorologi

KUALA LUMPUR, 20 April (Bernama) -- Jabatan Meteorologi menasihatkan orang ramai supaya mengurangkan aktiviti luar pada waktu petang berikutan keadaan hujan dan ribut petir berserta angin kencang yang berlaku di negeri-negeri di kawasan Pantai Barat Semenanjung pada masa ini.

Ketua Pengarah jabatan itu, Datuk Che Gayah Ismail berkata fenomena cuaca sekarang ini berpunca daripada peralihan angin monsun yang menyebabkan cuaca panas pada waktu pagi dan hujan lebat, angin kencang serta ribut petir pada sebelah petang dan malam.

"Justeru, mereka yang berada di kawasan Kedah, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka dinasihati merancang semula aktiviti harian mereka, jika ada yang penting, lakukannya pada waktu pagi dan tengah hari manakala pada sebelah petang sebaiknya elakkan berada di luar rumah," katanya ketika dihubungi Bernama, di sini Isnin.

Pada Ahad, hujan lebat, angin kencang berserta ribut dilaporkan berlaku di beberapa kawasan di Selangor yang melibatkan pokok tumbang dan mengakibatkan kerosakan kenderaan dan bangunan. Beberapa penduduk turut mendakwa berlaku kejadian hujan batu.

Che Gayah berkata cuaca buruk kebelakangan ini merupakan situasi lazim mengikut kitaran musim peralihan monsun yang berlaku sehingga hujung Mei.

Katanya peralihan itu berlaku dua kali setahun apabila monsun Timur Laut dalam proses beralih kepada monsun Barat Daya dan apabila monsun Barat Daya dalam proses beralih ke monsun Timur Laut.

"Oleh itu, fenomena cuaca ini bermula dari hujung Mac hingga hujung Mei dan sekali lagi pada Oktober nanti. Angin kuat dan ribut petir ini dipanggil 'over head' iaitu jika berlaku ia akan membawa angin kencang sehingga menumbangkan pokok.

"Kuantiti hujan pula melebihi 50 milimeter sejam yang boleh menyebabkan banjir kilat," katanya.

Che Gayah menasihatkan orang ramai yang kebetulan berada di luar rumah ketika cuaca mula gelap segera berlindung di dalam bangunan serta mengelak berlindung di bawah pokok atau kawasan lapang bagi mengelak kejadian tidak diingini.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 22A
TARIKH: 21 APRIL 2015 (SELASA)

Elak berada kawasan lapang

Kuala Lumpur: Orang ramai dinasihatkan supaya tidak berada di kawasan lapang dan terbuka pada lewat petang berikutan cuaca ribut petir yang dijangka berlarutan sehingga pertengahan bulan depan.

Ketua Pengarah **Jabatan Meteorologi Malaysia (Met-Malaysia)** Datuk Che Gayah Ismail berkata, cuaca berkenaan disebabkan peralihan monsun yang berlanjutan selama tiga bulan sejak Mac lalu.

“Pada waktu ini, kita boleh jangka akan berlaku ribut petir pada setiap petang dan malam.

“Seperti yang diketahui, ribut petir boleh mengakibatkan kerosakan harta benda dan mengancam nyawa di kawasan lapang dan terbuka,” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

MetMalaysia turut meramalkan cuaca ribut petir di beberapa kawasan semenanjung dan panas pada sebelah pagi.

Menurut Che Gayah, cuaca panas pada masa ini menyebabkan proses pengewapan berlaku mengakibatkan ribut petir pada sebelah petang dan awal malam.



Gempa Bumi Kuat Landa Wilayah Taiwan

KUALA LUMPUR, 20 April (Bernama) -- Satu gempa bumi kuat melanda wilayah Taiwan hari ini, di 123 km tenggara Keelung, Taiwan dan 2,014 km timur laut Kudat, Sabah.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan berkata gempa bumi berukuran 6.5 pada skala Richter itu berlaku pada pukul 9.42 pagi.

Tiada ancaman tsunami dikesan tetapi jabatan itu akan terus memantau rapi kejadian berkenaan, kata kenyataan itu lagi.

-- BERNAMA